

17/12/1999

Lapan sertai terjunan alaf baru

PUTRAJAYA, Khamis - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyerahkan bendera kebangsaan kepada pasukan `terjunan alaf baru' yang akan membuat terjunan pertama di Kutub Selatan, tepat jam 12 tengah malam, 31 Disember ini.

Pasukan seramai lapan orang itu akan menyertai lima ekspedisi sepanjang tahun depan itu. Lima daripada mereka, termasuk sepasang pakar terjun tandem (dua orang penerjun menggunakan satu payung terjun).

Ekspedisi yang dikenali sebagai `Terjunan ke Alaf Baru tahun 2000-Misi Kapsul Masa Untuk Semua' itu akan turut disertai sembilan negara lain, iaitu Amerika Syarikat, Jerman, Perancis, Belanda, Jepun, Afrika Selatan, United Kingdom, India dan Austria.

Semua penerjun yang dipilih akan membawa empat kapsul masa yang akan membuat terjunan di lima lokasi yang berbeza mulai 31 Disember ini sehingga 31 Disember 2000 bermula di Kutub Selatan.

Kapsul itu akan ditanam menerusi empat ekspedisi sepanjang tahun depan iaitu di Gunung Kinabalu, pada 3 April 2000; Pulau Layang-layang (3 Julai 2000), Vanua Levu, Fiji dan Kuala Lumpur (31 Disember 2000).

Pengerusi penganjur acara ini, G Siva Kumar, berkata ekspedisi itu bukan saja akan mengukuhkan semangat `Malaysia Boleh', malah akan menjadi khazanah negara kerana kapsul masa itu mengandungi maklumat penting bagi generasi akan datang.

Kapsul masa itu akan diambil dan dibuka oleh Kerajaan Malaysia pada 1 Januari 2020 di Pulau Layang-layang, dan bakinya dalam tempoh 100 tahun akan datang iaitu pada 1 Januari 2100 di Gunung Kinabalu, Udu Point dan Kuala Lumpur.

Terjunan di Kutub Selatan adalah yang pertama dilakukan oleh negara dari Asia Tenggara, dan terjunan dibuat dari ketinggian 18,000 meter, pada suhu negatif 60 darjah selsius.

Pada 31 Disember ini, lima penerjun negara dan 22 penerjun dari sembilan negara peserta akan mendarat di garis sifar Kutub Selatan dan selepas itu akan menguji `Snowbug' - alat pengangkutan terbaru Russia bagi kawasan salji.

Pasukan terjun negara dianggotai oleh Abdul Rahim Dahalan sebagai ketua ekspedisi, Mohd Ali Othman, Abdul Shukor Nasarudin, Azlan Ismail, Dr Kamaruddin Md Isa, Mohd Yatim dan peserta wanita tunggal, Nordziah Mohd Noor.

Ekspedisi ini adalah anjuran bersama Fikiran Syndicate, Kementerian Belia dan Sukan dan Q-Trg Sdn Bhd.

(END)